

Dr. M yakin khidmat kereta kabel tarik ramai pelancong

LANGKAWI 24 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin perkhidmatan kereta kabel di Gunung Machinchang akan menarik lebih ramai pelancong ke Langkawi.

"Saya dapati kereta kabel ini reka bentuknya menarik, pemandangan dari atas juga menarik, cuacanya lebih sejuk berbanding dari bawah, saya berpendapat ramai pelancong akan menggunakannya, saya puas hati dengan prestasinya," kata beliau.

Perdana Menteri hari ini meluangkan masa selama empat jam untuk meninjau perkembangan beberapa projek pembangunan di Langkawi.

Beliau yang tiba dari Alor Setar dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat disambut oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Perdana Menteri yang memandu sendiri kereta pacuan empat roda memulakan lawatan dengan meninjau perkembangan projek kereta kabel yang terletak bersebelahan kawasan membeli-belah bebas cukai, Oriental Village di Teluk Buaru, kira-kira 35 kilometer dari Kuah.

Dr. Mahathir turut menaiki kereta kabel yang digerakkan dengan kuasa elektrik itu dan berhenti di platform khas di stesen tengah dan stesen puncak gunung itu untuk melihat pemandangan indah di sekitar Langkawi, gugusan pulau-pulau kecil serta Pulau Tarutao dan Satun di selatan Thailand.

Perkhidmatan kereta kabel ini mempunyai tiga stesen iaitu stesen utama di kaki gunung, stesen tengah di pertengahan perjalanan ke puncak dan stesen puncak di puncak gunung.

Projek itu merupakan jaringan kereta kabel jenis gondola enam tempat duduk yang terpanjang di dunia yang membabitkan jarak keseluruhan sepanjang 2.2 kilometer dan menghubungkan Oriental Village dengan puncak Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

Dr. Mahathir juga diberi taklimat mengenai projek bernilai RM46 juta yang dijalankan secara usahasama antara Dopple-Mayer dari Austria dan sebuah syarikat tempatan itu oleh perunding projek, Dr. Peter A. Wyss.

Perkhidmatan kereta kabel itu akan memulakan operasi hariannya awal bulan depan dengan bayaran sebanyak RM15 untuk dewasa dan RM10 untuk kanak-kanak.

Hari ini ribuan pelancong asing dan penduduk tempatan juga tidak melepaskan peluang untuk menaiki kereta kabel itu yang memberi perkhidmatan percuma kepada orang ramai.

Perdana Menteri kemudiannya menaiki helikopter selama kira-kira setengah jam untuk meninjau projek Harbour Park Langkawi dan projek pemulihan pantai Kok di Teluk Buaru.

Dr. Mahathir juga diberi taklimat ringkas oleh pelayar negara, Datuk Azhar Mansor yang merupakan salah seorang perunding bagi projek Harbour Park Langkawi.

Projek yang berkonsepkan Mediterranean yang bernilai RM40 juta itu menyediakan pelbagai kemudahan untuk pelancong termasuk sebuah marina yang boleh menempatkan 100 kapal layar, hotel dan kawasan perumahan.

Pelbagai jenis penginapan termasuk hotel tiga bintang dan pangsapuri akan didirikan di kawasan seluas kira-kira 12 hektar itu yang bakal menjadi tarikan pelancongan terbaru ke pulau peranginan ini.

Projek pemulihan Pantai Kok dan benteng penahan ombak adalah projek bernilai RM29.6 juta yang bakal menjadi pusat rekreasi awam serta pemangkin kepada kawasan pembangunan baru di utara Langkawi.

Dr. Mahathir juga singgah di Langkawi Lagoon dan kemudiannya melihat perkembangan projek pengindahan Sungai Kuala Melaka yang dibangunkan dengan kos RM28 juta sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Sementara itu, Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak tahu sama ada kejadian letupan di Bali, Indonesia, mungkin akan menarik lebih ramai pelancong ke Langkawi.